

SULIT*

946/1
PENGAJIAN PERNIAGAAN
Sept 2010
3 jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2010**

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1

3 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan kepada calon:

Jawab **empat** soalan sahaja : **Semua** soalan dalam Bahagian A dan mana-mana **dua** soalan dalam Bahagian B.

Markah maksimum bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung []

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

SULIT*

BAHAGIAN A [50 MARKAH]

Jawab semua soalan

1.
 - (a) Jelaskan **dua** sebab mengapa setiap perniagaan mengutamakan keuntungan. [2]
 - (b) Nyatakan kesan positif perniagaan terhadap masyarakat. [3]
 - (c) Nyatakan **tiga** kepentingan motivasi kepada organisasi [3]
 - (d) Jelaskan **dua** teori kepimpinan yang diperkenalkan oleh Douglas McGregor [2]
 - (e) Jelaskan keburukan pemusatan autoriti dalam sesebuah organisasi [3]
 - (f) Senaraikan objektif sistem inventori JIT [3]
 - (g) Berikan **empat** ciri faktor psikologi dalam mempengaruhi gelagat pengguna [2]
 - (h) Huraikan **dua** prinsip TQM [2]
 - (i) Berikan definisi pembuatan keputusan [2]
 - (j) Terangkan **tiga** anggaran masa yang terdapat dalam PERT. [3]

2.
 - (a) Berdasarkan gambarajah yang lengkap, huraikan matriks portfolio perniagaan yang dihasilkan oleh Kumpulan Rundingan Boston. [13]
 - (b) Promosi adalah salah satu aktiviti dalam pemasaran. Huraikan elemen-elemen dalam campuran promosi [8]
 - (c) Majikan sering mengabaikan aspek keselamatan para pekerja. Keadaan ini mengakibatkan pihak kerajaan terpaksa campur tangan demi memastikan keharmonian antara dua pihak ini. Huraikan peranan kerajaan dan kesatuan sekerja dalam menyelesaikan masalah ini. [4]

946/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

6. (a) Berikan maksud hutang dan jelaskan jenis-jenis hutang yang boleh diperolehi oleh sesebuah organisasi perniagaan. [15]

- (b) Baca dengan teliti: [10]

Baru-baru ini Syarikat Global Marketing Bhd menyatakan bahawa syarikat telah berjaya melakukan jualan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM 500 000. Manakala keuntungan selepas cukainya pula bernilai RM 280 000. Jumlah modal yang dibenarkan bernilai RM 800 000 (800 000 unit saham pada harga par RM 1 sesaham) dan hanya 25% sahaja daripada adalah modal berbayar dengan nilai 125 000 unit saham pada harga par RM 1 sesaham.

Pesaing terdekat syarikat ialah Global Network Bhd yang turut mempunyai nilai modal berbayar yang sama. Namun keuntungan selepas cukainya agak tinggi iaitu RM 300 000.

Hitungkan

- a. Untung sesaham (EPS) bagi kedua-dua pesaing
- b. Berikan komen anda berdasarkan situasi (a)

7. (a) Kecuaian pekerja dan majikan boleh mengakibatkan kemalangan di tempat kerja. Huraikan. [6]

- (b) Baca petikan dengan teliti: [9]

Encik Mubarak merupakan seorang penyelia dan pekerja yang agak senior di Unit Pengeluaran. Beliau seorang yang sentiasa positif dan sentiasa melengkapkan dirinya dengan segala ilmu-ilmu dan kemahiran-kemahiran yang baru. Pekerja-pekerja baru dan muda sering merujuk kepada beliau apa saja masalah yang berkaitan dengan pekerjaan. Namun ini berlainan pula dengan rakan sejawatnya Encik Izwan yang sering berasa tertekan setiap kali pihak pengurusan ingin menerapkan sistem baru dan menukar mesin dan peralatan baru.

- i. Huraikan dua tabii orang yang berjaya yang ada pada Encik Mubarak
- ii. Kenalpasti punca masalah En Izwan dan jelaskan kepentingan kemahiran-kemahiran yang perlu dalam menangani masalahnya di tempat kerja

- (c) Bagaimanakah cara untuk menyelesaikan masalah ketegangan di tempat kerja berdasarkan faktor-faktor kejayaan seimbang [10]

8. (a) Jelaskan kelebihan dan kelemahan pembuatan keputusan secara berkumpulan [6]

- (b) Bincangkan empat kaedah pendekatan organisasi yang boleh diaplikasi dalam membantu menangani isu ketegangan pekerja. [8]

- (c) Huraikan ciri-ciri tahii berikut:

- i. Bersinergi
- ii. Mulakan sesuatu dengan mengingati matlamat [11]
- iii. Tajamkan gergaji

BAHAGIAN B [50 MARKAH]

Jawab **dua** soalan sahaja

- 3 (a) Jelaskan tanggungjawab perniagaan terhadap pihak berkepentingan [12]

(b)


POLIKLINIK DR NORAYANI DAN DR SURIATI

- i) Jelaskan jenis perniagaan di atas
 ii) Nyatakan bagaimana perniagaan tersebut boleh dibubarkan
 iii) Nyatakan perbezaan antara perniagaan Perkongsian dengan Syarikat Sdn. Bhd dari segi kewangan dan perundangan [13]

- 4 (a) Nyatakan maksud *sumber luaran* dan jelaskan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh seorang pengurus sumber manusia dalam mengrekrut sumber luaran. [11]

(b)

SYARIKAT TULUS IKHLAS SDN.BHD



- i) Jelaskan maklumat yang boleh diperolehi dari carta di atas.
 ii) Jelaskan maksud konsep pengorganisasian berikut
 a) Autoriti
 b) Tanggungjawab
 c) Akauntabiliti [14]

- 5 (a) Jelaskan **empat** kelemahan dan **empat** kelebihan pemencaran autoriti. [8]

- (b) Jelaskan kepentingan kawalan kepada sesebuah organisasi [5]

- (c) Berdasarkan gambar rajah piramid Teori Motivasi Maslow yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow, huraikan hierarki keperluan manusia tersebut. [12]

SULIT*

946/2



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2010**

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 2

(Tiga jam)

Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja; Semua soalan dalam Bahagian A dan mana-mana dua soalan dalam Bahagian B

Markah maksimum bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurungan []

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

[Lihat sebelah

946/2

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

Bahagian A*Jawab semua soalan*

1. (a) Azman telah membeli sebuah kereta daripada syarikat proton melalui perjanjian sewa beli. Berikan **dua** waranti yang wujud dalam perjanjian tersebut. [2]
 - (b) Terangkan proses sistem maklumat pengurusan bagi sesebuah perniagaan. [3]
 - (c) Huraikan maksud berikut:
 - i. Usahawan
 - ii. Peniaga
 [2]
 - (d) Senaraikan **enam** faktor yang perlu difikirkan oleh seorang usahawan untuk memulakan sebuah perniagaan. [3]
 - (e) Nyatakan **dua** peranan kumpulan pendesak dalam menjaga kepentingan awam. [2]
 - (f) Selain daripada import dan kontrak pengeluaran, jelaskan secara ringkas **tiga** cara lain bagi sesebuah firma melibatkan diri dalam perniagaan antarabangsa. [3]
 - (g) Senaraikan **empat** peranan Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE). [2]
 - (h) Terangkan maksud etika kerja serta sebutkan **dua** contoh etika kerja dalam profesion perguruan. [3]
 - (i) Selain daripada “Bersopan”, jelaskan **tiga** prinsip berunding dan berinteraksi secara berkesan dalam proses komunikasi. [3]
 - (j) Pemilihan saluran komunikasi adalah penting bagi mengelakkan berlakunya salah faham terhadap mesej yang dikirim. Nyatakan **empat** jenis saluran komunikasi yang boleh digunakan. [2]
2. (a) Encik Rahman sedang menghadapi masalah kewangan syarikatnya di mana beliau tidak mampu membayar pinjaman yang telah diterimanya pada dua tahun lepas dari sebuah syarikat kewangan dan kini bayaran pinjamannya telah tertunggak selama lima bulan. Bagaimanakah cara Encik Rahman dapat menyelesaikan masalah beliau melalui sumber modal tidak formal. [8]
 - (b) Rancangan perniagaan merupakan dokumen terpenting dalam sesebuah perniagaan. Terangkan kepentingan dokumen berikut terhadap peniaga. [10]
 - (c) Jelaskan pihak-pihak berkepentingan menggunakan Rancangan Perniagaan. [7]

SULIT*

Bahagian B

3. (a) Terangkan **enam** prinsip pengauditan yang telah dikuatkuasakan pada Januari 1982 yang perlu dipatuhi oleh juruaudit Negara ini. [12]
- (b) Jelaskan **empat** matlamat utama sebuah Jawatankuasa Audit Dalam bagi sesebuah organisasi. [8]
- (c) Berikan maksud internet serta peranannya dalam perniagaan. [5]
4. (a) i. Terangkan maksud perniagaan francais serta berikan satu contoh jenis perniagaan tersebut di Malaysia.
- ii. Jelaskan konsep francais berformat serta **lima** prinsip yang perlu dipatuhi oleh francais dalam perniagaan tersebut. [15]
- (b) Terangkan **lima** kebaikan perniagaan francais kepada francais. [10]
5. (a) Jelaskan perbezaan antara Koperasi SMK Selandar Sdn. Bhd. dengan Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd. [10]
- (b) Nyatakan kriteria dan terangkan aktiviti utama yang dilakukan oleh organisasi berikut:
- i. Persatuan Badminton Malaysia
 - ii. Kelab Siswazah UMT
 - iii. Persatuan Seni dan Budaya Negeri Sembilan
 - iv. Angkatan Belia Islam
 - v. Persatuan Peguam-peguam Malaysia [10]
- (c) Terangkan ciri-ciri istimewa sesebuah koperasi. [5]
6. (a) Kebanyakan firma mula menceburi perniagaan luar negara melalui eksport. Bincangkan kebaikan dan kelemahan eksport. [6]
- (b) Huraikan **empat** jenis risiko perniagaan antarabangsa dan cara menangani setiap risiko tersebut [10]
- (c) Jelaskan cabaran yang mungkin dihadapi syarikat multinasional dari aspek
- i) Ekonomi
 - ii) Struktur organisasi dan kawalan
 - iii) Cukai [9]
7. (a) Seseorang organisasi perlu menjaga kepentingan beberapa pihak yang terlibat secara langsung atau tidak semasa menjalankan perniagaan. Terangkan **lima** pihak berkaitan dalam sebuah hospital. [5]

SULIT*

- (b) Tanggungjawab sosial ialah satu perasaan kewajipan pengusaha perniagaan ke atas kesan daripada aktiviti perniagaan terhadap masyarakat sekeliling perniagaan termasuk pekerja, pengguna, kalangan masyarakat dan persekitaran. Namun terdapat perniagaan yang enggan menjalankan tanggungjawab sosial kerana mempunyai alasan berbuat demikian.

Jelaskan **lima** alasan yang menyokong dan **lima** alasan yang menentang tanggungjawab sosial. [10]

- (e) Dalam satu skim pelaburan cepat kaya, seramai lima puluh pelabur telah kehilangan wang deposit mereka. Kejadian tersebut adalah contoh amalan tidak beretika dalam perniagaan.

Bincangkan mengapa berlakunya amalan-amalan tidak beretika dalam sesebuah perniagaan. [10]

8. (a) Dalam proses menjalankan perniagaan, pihak pengurusan sering menjalankan perundingan dengan pelbagai pihak. Kemahiran perundingan merupakan faktor penting dalam menentukan masa depan firma.

i. Jelaskan maksud perundingan dan kepentingan perundingan kepada perniagaan. [5]

ii. Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada **empat** pihak berkepentingan. [10]

- (b) Syarikat Saiful Sdn. Bhd. (SSSB) yang beribu pejabat di Bandar Hilir telah terlibat dalam pengeluaran alat ganti kereta sejak lapan tahun yang lalu. SSSB memiliki empat cawangan yang bertempat di Nilai, Pulau Pinang, Batu Pahat dan Sarawak dan diketuai oleh Pengurus Cawangan masing-masing. Semua cawangan mempunyai jabatan fungsian iaitu pengeluaran, pemasaran, dan kewangan yang diketuai oleh Ketua Jabatan masing-masing..

Jelaskan bentuk komunikasi menegak, mendatar, dan melintang berserta gambar rajah yang sesuai dengan merujuk kepada Syarikat Saiful Sdn.Bhd. (SSSB)

[10]

946/2

Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

KERTAS SOALAN TAMAT